

UCAPAN ALU-ALUAN
NAIB CANSELOR UNIVERSITI MALAYA
MAJLIS ANUGERAH SUKAN UNIVERSITI MALAYA 2025

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera, dan salam Universiti Malaya.

Yang Berbahagian Datuk Stuart Ramalingam
Pengerusi Majlis Sukan Wilayah Persekutuan

Yang Berusaha En Adrian Roslan
Presiden Adabi

Yang Berusaha Dr. P. Vellapandian
Ketua Pegawai Eksekutif, Institut Sukan Negara

Barisan Pengurusan Universiti Malaya

Para tetamu kehormat, rakan-rakan strategik,

Barisan penaja, jurulatih, pegawai-pegawai sukan,

Para atlet Universiti Malaya, serta seluruh warga universiti yang saya hormati sekalian.

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran kita panjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya, kita dapat bersama-sama berhimpun pada malam ini dalam Majlis Anugerah Sukan Universiti Malaya 2025, sebuah majlis yang bukan sekadar meraikan kemenangan, tetapi menobatkan nilai, watak, disiplin, dan daya juang yang menjadi teras kepada pembinaan sebuah universiti unggul.
2. Malam ini bukan malam biasa. Malam ini ialah malam untuk kita mengiktiraf bahawa di sebalik setiap kemenangan, di sebalik setiap podium, di sebalik setiap pingat dan rekod, berdiri suatu perjalanan yang panjang dan sukar - perjalanan yang dibina atas latihan tanpa henti, komitmen yang tidak berbelah bahagi, pengorbanan yang tidak selalu dilihat, dan keyakinan yang terus dipertahankan walaupun dalam keadaan paling mencabar.
3. Sukan membentuk insan yang memahami bahawa kemenangan tidak datang daripada bakat semata-mata, tetapi daripada struktur, pengorbanan, pengulangan, daya tahan mental, dan kesediaan untuk bangkit berulang kali.
4. Sebab itu, bagi Universiti Malaya, sukan tidak pernah berada di pinggir agenda kecemerlangan kita. Sukan adalah sebahagian daripada falsafah pembinaan insan dan institusi.
5. Sebuah universiti yang benar-benar cemerlang tidak hanya melahirkan pelajar yang cemerlang di dewan kuliah, tetapi juga individu yang tahan tekanan, kuat semangatnya, tajam pertimbangannya, tinggi disiplin dirinya, dan mampu memimpin dalam dunia sebenar yang sangat kompetitif, kompleks dan menuntut ketabahan luar biasa.

6. Sukan amat penting. Kerana sukan melahirkan manusia yang faham makna standard. Sukan melahirkan manusia yang faham makna amanah. Sukan melahirkan manusia yang faham bahawa kecemerlangan bukan slogan, tetapi suatu disiplin.

Hadirin sekalian,

7. Sukan mengajar kita bahawa keunggulan memerlukan ekosistem. Tiada juara yang lahir sendirian. Tiada pencapaian besar yang berdiri sendiri. Di belakang setiap atlet yang cemerlang, ada jurulatih yang tekun membimbing, pegawai yang setia menyokong, pengurusan yang menyediakan ruang, keluarga yang berkorban, dan institusi yang percaya bahawa pelaburan terhadap bakat, disiplin dan potensi insan adalah pelaburan terhadap masa depan.
8. Kepada semua jurulatih, pegawai, pengurus pasukan, pusat sukan, penaja, ibu bapa, keluarga dan seluruh warga kerja yang menjadi nadi kepada perjalanan ini, saya rakamkan penghargaan yang setinggi-tingginya. Sumbangan anda bukan sekadar membantu mencipta kemenangan; anda membantu membina generasi.
9. Kepada para atlet Universiti Malaya pula, saya ingin menyatakan dengan jelas bahawa anda semua membawa lebih daripada sekadar nama pasukan atau fakulti. Anda membawa maruah sebuah institusi tertua, terunggul dan paling bersejarah di negara ini.
10. Jangan pernah melihat anugerah yang diterima malam ini sebagai noktah akhir. Lihatlah ia sebagai amanah baharu. Lihatlah ia sebagai penanda aras baharu. Lihatlah ia sebagai cabaran untuk pergi lebih jauh.

11. Usaha pemerkasaan sukan kebangsaan mencerminkan komitmen berterusan terhadap pembangunan belia, kecemerlangan bakat, dan pengiktirafan bahawa sukan universiti merupakan sebahagian penting daripada pembinaan negara yang berdaya tahan, berdaya saing dan berpandangan jauh.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

12. Pada malam ini, kita meraikan mereka yang menang. Namun yang lebih utama, kita meraikan semangat untuk tidak mengalah. Kita meraikan usaha yang sunyi tetapi konsisten. Kita meraikan keupayaan untuk bangkit selepas jatuh. Kita meraikan keberanian untuk terus mencabar had diri sendiri.

13. Inilah jiwa Universiti Malaya. Jiwa yang tidak puas dengan mediokriti. Jiwa yang tidak gentar pada cabaran. Jiwa yang sentiasa mahu mendaki lebih tinggi. Jiwa yang faham bahawa kebesaran tidak diwarisi, tetapi dibina - hari demi hari, usaha demi usaha, kemenangan demi kemenangan.

14. Saya dengan bangganya dengan ini merasmikan **MAJLIS ANUGERAH SUKAN UNIVERSITI MALAYA 2025.**

Sekian, terima kasih.

Wabillahi taufiq wal hidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.
